

66

SOALAN NO : 340

**PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Bertulis**

**DARIPADA : Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad  
[ Pasir Puteh ]**

**SOALAN : Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad  
[ Pasir Puteh ] minta MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
menyatakan berapakah bilangan kilang  
padi di bawah selenggaraan BERNAS di  
Kelantan yang masih beroperasi dan  
berapakah tan metrik hasil padi yang  
diperoleh daripada kilang-kilang yang  
masih beroperasi ini bagi tahun 2017.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Pada masa ini, terdapat tiga Kilang Beras BERNAS (KBB) iaitu KBB Tumpat, KBB Peringat dan KBB Pasir Puteh. Selain itu, terdapat dua kilang berstatus bumiputera yang masih aktif beroperasi di bawah Skim Kilang Bumiputera BERNAS iaitu Kilang Beras Zainon Yaakob dan Kilang Beras Skata.

Bagi tahun 2017, kilang BERNAS telah membeli sebanyak 121,348 tan metrik padi (89%) dengan Kilang Beras Zainon Yaakob sebanyak 2,200 metrik tan dan kilang beras Skata sebanyak 1,800 tan metrik. Baki padi sebanyak 14,720 tan metrik (11%) dibeli oleh dua kilang swasta lain di Kelantan iaitu Kilang Beras Liantong dan Kilang Beras Maknuzul.